

13/12/2001

Kerajaan percepat pelaksanaan e-syariah

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Rabu - Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) akan mempercepatkan pelaksanaan e-syariah di bawah program aplikasi perdana kerajaan elektronik, bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran mahkamah syariah di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata pelaksanaan projek itu akan dibantu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) membabitkan perbelanjaan sebanyak RM39 juta.

"Projek itu bertujuan meningkatkan mutu pekhidmatan mahkamah syariah, meningkatkan keberkesanan JKSM memantau dan menyelaras agensi di bawahnya, meningkatkan produktiviti pengurusan mahkamah syariah dan memartabatkan syiar Islam melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Ia akan menyediakan perkhidmatan menyelesaikan kes mahkamah syariah, pendaftaran peguam syarie, sistem pustakaan mahkamah, empat portal mahkamah syariah, sistem automasi pejabat dan sistem yang diintergrasikan dengan agensi yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar; Ketua Pengarah JKSM, Sheikh Razali Abdul Rahman, dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Mohamad Shahr.

Abdul Hamid berkata, agensi yang terbabit secara langsung adalah Jabatan Kehakiman Syarie, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Mahkamah Syariah Negeri, Jakim, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Penubuhan e-syariah ini akan membantu memperkemas dan memantapkan lagi fungsi JKSM dan mahkamah syariah di negara ini," katanya.

Beliau turut mengumumkan penyusunan semula struktur dan fungsi mahkamah syariah daripada aspek fizikal mahkamah, organisasi dan undang-undang bagi meningkatkan keyakinan umat Islam di negara ini terhadap institusi berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan sudah meluluskan pembinaan dua mahkamah syariah masing-masing di Kedah dan Perlis, yang setiap satu membabitkan perbelanjaan RM20 juta.

Katanya, menerusi penyusunan semula struktur JKSM, enam jawatan Gred Utama B, C, L2, L3 dan S5 akan dinaik taraf kepada Gred Utama A, B, C, L2 dan S4 selain mewujudkan 91 jawatan baru membabitkan enam cawangan.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang meneliti penyusunan semula itu dan jika segalanya berjalan lancar, ia akan menjadi satu organisasi yang sempurna di bawah jabatan Kehakiman Syariah," katanya.

Selepas itu, Abdul Hamid menyampaikan sumbangan hamper kepada sekolah, guru Kursus Fardu Ain (Kafa) dan anak yatim pada majlis berbuka puasa anjuran Yayasan Qurra Malaysia di Dewan Mukhtamar Bangunan Pusat Islam.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pemberian wang RM100 seorang kepada golongan termiskin di seluruh negara bagi menyambut Aidilfitri akan diagihkan mengikut kawasan parlimen.

"Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan akan mengagih bantuan itu kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk disalurkan ke setiap pejabat daerah dan kawasan Parlimen.

"Biasanya, Pejabat Daerah mempunyai senarai nama yang diperoleh daripada Ahli Parlimen, penghulu dan ketua kampung," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Ser Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan pemberian wang RM100 seorang kepada golongan termiskin membabitkan semua kaum sebelum Aidilfitri akhir minggu ini.
(END)